

Herman perlahan teksi. Tangannya kebas sedikit. Alan di sebelah lina hingga mulut ternganga. Di belakang, Radi dan Don sedang berbalah tentang filem terbaik sepanjang zaman. Kata Radi, *The Shawshank Redemption*. Don bermati-matian dengan *The Godfather*. Aneh, tidakkah mereka ini berdebar walau sedetik?

“Oi, dah sampai.” Herman tepuk pipi Alan.

“Herman, *are we good?*” soal Radi. Bahu Herman dijamah.

“*Of course*. Okey semua. Ikut *plan*. Jangan buat benda pelik-pelik. Aku tunggu kat sini. Jangan *rushing*. *Good luck*.”

Semua pintu dibuka serentak, kecuali pintu Herman. Sebaik saja keseorangan, terlintas doa di hati Herman namun dihalang ragu. Bolehkah berdoa untuk kerja sebegini? Radio dimatikan. Herman tunggu dalam sunyi. Sesaat bertukar seabad.



Majid sedang garu perutnya ketika dia dihampiri seorang wanita bertudung litup di sebalik abaya. Anak mata saja yang nampak. Hijau tua. Minah Arab dari mana agaknya. Segera Majid senyum miring. Pelancong, mesti layan baik-baik. Seorang lagi wanita tiba, sama rona, sama gaya.

“You speak English?”

“Err, yes, litel onli.” Majid reguk liur. Aroma minyak atar terlalu sengit, berlumba-lumba tikam rongga hidungnya yang dihias bulu bergentayangan.

“I want to get travellers cheque. You know, travellers cheque? Where can I get it?”

“Err, yes, err,” Majid garu perut lagi, “plis tu kaunter wan, yes.”

“Oh, thank you. Syukran.”

Wanita itu mendepangkan tangan. Tubuhnya rapat ke arah Majid. Sebelum sempat mengelak, nafas Majid sesak saat dirangkul erat. Saat itu juga Majid berasa aneh. Kenapa pula Minah Arab ini dadanya sasa?

“Jangan buat benda bodoh.” Majid kaget saat bisik hinggap di telinga. “Pistol kau dah ada kat tangan aku. Jangan bising. Pusing, jalan depan aku. Pelan-pelan. Aku tak nak kecoh. Kalau kau nak jadi hero, anak cucu kau boleh datang kubur kau esok.”

Saat itu juga Majid rasa celana dalamnya sudah lencun, hangat. Dia bukan jadi jaga untuk ini. Dia belum mahu mati. Baru minggu lepas berhenti kerja di kilang. Ini hari pertama Majid di sini, dan dingin muncung pistol yang menyentuh belakangnya bakal menjadikan hari ini juga yang terakhir. Mulut Majid kumat-kamit. Kelangkangnya mula gatal. Dia tahu, di belakangnya bukan wanita. Bukan orang Arab.

“Aku nak semua meniarap. Yang kat belakang kaunter, dalam ofis, semua keluar. Tangan kat belakang kepala, muka rapat kat lantai. Kalau aku nampak ada mata tengok aku, kepala korang bersepai!” lelaki berpurdah berteriak.

Majid kaget. Sah. Dua-dua bukan wanita. Majid mahu meniarap sama, tapi ‘jangan buat benda bodoh’ masih bersipongang di telinganya. Matanya sempat menangkap sepucuk pistol yang dikeluarkan dari tas tangan lelaki berpurdah di hadapannya. Sambil berjalan perlahan, Majid kerling pintu masuk. Celaka, siapa kunci pintu? Siap lilit dengan Plasticuff. Tapi ada jaga di luar. Buat apa? Dia tak dengarkah bising di dalam? Tangan Majid kebas dan dingin. Hatinya menapis antara carut dan doa.

Pintu di belakang kaunter terkuak. Lelaki berpurdah kedua meluru ke arah kaunter. Barretta di genggam dihalu pada pintu. Dua jaga keluar, masing-masing dengan selaras Remington diacu ke dahinya.

“Keluar pelan-pelan.” Lelaki berpurdah kedua beri amaran.

“Ho ho, jangan nak jadi hero.” Dia undur tapak demi tapak ke arah kelompok pelanggan bank yang sedia tertiarap. “Kalau kau tembak, kawan aku takut. Bila dia takut, dia tembak...apa nama kau?”

“Majid.”

“Ha, dia tembak Majid. Faham? Baik kau letak senapang kat lantai, lepas tu *join* yang lain kat sini.” Sedetik pun matanya tidak beralih dari muncung senapang.

Kedua-dua jaga mengalah. Mereka tahu, terlalu bahaya. Tembakan dengan Remington boleh cecah 40 meter, lebih kurang. Lebih berisiko kerana Remington guna peluru penabur. Sekali tembak, pelet peluru bercempera dari kelongsong ke mana-mana. Sesiapa boleh cedera. Sesiapa boleh mati termasuklah Majid yang masih diacu pistol di kepalanya.

Dua laras Remington menyentuh lantai lantas dikuis dengan kaki oleh lelaki berpurdah kedua. Senjata jaga meluncur di lantai ke tepi dinding.

“Bagus. Semua dah ada kat sini, ya? *Don't worry*, kitorang kejap je. Kau, bangun.” Hujung but lelaki berpurdah pertama sentuh pinggul wanita berkebayu moden. Dia masih menggeletar.

Wani, bisik Majid. *Pekerja pertama yang tegur aku pagi tadi*. Wani berdiri perlahan-lahan. Matanya terpaku pada hujung pistol, atau pada suara paraunya, atau kedua-duanya. Bibir Wani digertap menahan gigil. Matanya berkaca, setitis dua mula meluncur, menggaris pipi.

“Ambik ni, pergi kaunter, bukak semua *drawer*. Kau tau nak ambik apa, kan? Cepat. Jangan nak memandai. Kalau tak, rumah pakcik Majid buat kenduri arwah malam ni.” Muncung pistol berpindah ke belakang kepala. Majid pejam mata. *Ya Allah, kalau sampai hari ini saja nyawaku, jagalah Yah dan anak-anak*.

Wani melangkah pantas ke kaunter sambil teresak-esak. Laci dibuka satu persatu. Seikat demi seikat wang berpindah ke dalam karung.

“Kau, kau *manager* kan? Bangun.”

Lelaki lewat 40-an berdiri sedikit payah dek perut bocah. Hari ini dia berkot hitam. Majid sempat bertentang mata dengannya. *Baru minggu lepas aku ditemuduga. Bezanya hari ini kita sama-sama menggeletar. Aku tahu, Encik Kazim dah pecat aku saat pistol meledak tadi*.

“Jom, kita pergi bukak *safe*. Yang lain tunggu sini. Kalau ada yang bangun, aku tak payah ulang la. Sendiri mau ingat.”

Kazim melangkah menuju ke bilik kebal, sambil kedua-dua belah tangan memegang kepala. Lelaki berpurdah kedua mengekori dari belakang. Majid tunduk, sambil hadam simpati, kesal, marah, malu, dan tahan gatal kelangkangnya yang semakin merebak. *Ini semua salah aku. Macam mana aku tak sedar mereka ini bukan perempuan?*

“Semua okey? Bagus. Bagus. Kitorang pun dah nak balik.” Lelaki berpurdah kedua tampil dari ruang pejabat bersama Kazim, kedua-dua belah tangannya pegang kepala.

“Dah, pergi *join* diorang.” Jantung Majid luruh saat hujung pistol sekali lagi ditekan di belakang kepala. Dia tiada pilihan. Perlahan-lahan Majid melutut dan merapatkan wajah ke lantai sambil kaki dilunjur. Kelangkangnya masih gatal.

“Terima kasih, semua.” Mereka berundur ke belakang, mendekati pintu yang masih terkatup. Masing-masing dengan karung sarat terisi.

TAM! TAM!

Lelaki berpurdah kedua jatuh melutut. Kakinya berlumur merah.

“Kau nak rompak bank aku, ya?” Encik Kazim mara dari kaunter, di tangannya sepucuk pistol.

TAM!

Kali ini tersasar. Pintu kaca berderai.

“Cepat,” lelaki berpurdah pertama bertempik.

“*You go first*. Tahan sikit sakit tu.” Jaga bangunan mengangkat rakan subahat yang ditembak, dibantu lelaki berpurdah pertama. Sambil menggalas karung

sarat berisi wang, mereka berlari sepantas mungkin menuruni eskalator.

Kazim membidik sekali lagi. Belum sempat dia menarik picu, jaga bangunan sudah berada di hadapannya. Penumbuk dihayun deras. Telinga Kazim berdesing. Dia tersungkur.

“Jangan lari!” Majid bingkas mengejar jaga yang buka langkah sejinak selepas menumbuk Kazim.

Dari tingkat atas, Majid cuba melangkah lebih deras menuruni eskalator. Jaga bangunan masih ada di matanya, meluru keluar di tingkat bawah.

“Tangkap dia! Tangkap dia!” Malangnya yang ada di ruang legar Bangunan UMNO Selangor hanya sempat memerhati. Terlalu pantas.

Majid hampir tersungkur pada anak tangga eskalator terakhir. Dia berlari ke pintu hadapan. Jaga bangunan masuk ke perut sebuah teksi jingga yang diparkir di bahu jalan.

“Hoi!” Lutut Majid mula diserang ngilu.

Teksi jingga meluncur deras. Majid terpaku di ruang parkir. Nafasnya berlumba-lumba naik turun. Majid membongkok, bertarung dengan lelah dan sempit. Tangannya ditopang ke lutut. Tanpa sedar, liur mengalir dan menitis dari mulut yang ternganga merengap. Majid sebut berkali-kali nombor plat teksi jingga. Itu sajalah yang sempat ditangkap. HBA 2710. HBA 2710. HBA 2710.

Lelah mula surut. Majid masuk semula ke dalam bangunan. Di kafeteria, dua orang pekerja lap pinggan sambil terlopong memandang Majid. Kedai serbaguna masih belum dibuka. Kawasan mesin teler automatik masih lengang. Hanya ada tiga orang pelanggan yang

berurusan. Pengunjung dan pekerja bangunan ini mula berpusu-pusu di lif dan eskalator. Majid melangkah longlai ke arah lif di hujung aras bawah, raih nafas. Ketika itu dia terlihat papan notis besi yang tersadai di pinggir pintu lif.

ROSAK. KESULITAN AMAT DIKESALI.
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

Kalau tak silap, masa aku datang kerja tadi lif elok saja. Bila pula rosak? Kalau rosak, kenapa semua beratur di depan lif?

Ting! Pintu lif terkuak luas.

“Minta maaf, ya. Bagi saya masuk dulu. Ada *emergency*. Minta maaf.” Majid hulur tangan, seolah-olah membelah lautan manusia di hadapan pintu lif.

Lif penuh. Masing-masing mendongak menunggu nyalaaan angka, termasuklah Majid.

Ting! Pintu lif terkuak luas.

“Terima kasih, ya. Terima kasih.” Sekali lagi Majid terpaksa randuk jejal manusia di hadapan.

Majid terlongo di pintu masuk bank. Serpihan kaca di mana-mana. Kazim terlentang, dikerumuni di ruang hadapan. Darah mengalir dari rongga hidung dan bibir.

“Tepi, tepi. Jangan kerumun dia. Bagi udara masuk.” Majid pangku Kazim. “Hangpa dah *call* ambulans belum?”

Kazim buka mata. Kura tangan kesat hidung dan mulut. Wani datang dari dalam pejabat. “Encik Kazim, polis dah *on the way*.”